

13 JUL 2001

Mahathir-Keselamatan

LANGKAH-LANGKAH MENANGANI JENAYAH SIBER PERLU, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, lebih banyak perhatian perlu ditumpukan berhubung keselamatan rangkaian memandangkan jenayah siber yang terus meningkat dan penyalahgunaan Internet dalam menyebarkan maklumat.

Beliau berkata, dalam hal ini adalah penting satu rangka kerja kawal selia dan perundangan yang terjamin dirumuskan khasnya bagi menjalankan aktiviti-aktiviti e-niaga.

"Sementara kerajaan-kerajaan, perbadanan-perbadanan multinasional dan institusi lain yang berminat berbuat apa sahaja untuk memulakan dan menolak ke depan pelan k-ekonomi mereka, terdapat juga kumpulan, yang diatur atau sebaliknya yang cuba buat segala yang mungkin untuk mengganggu dan menggagalkan usaha-usaha ini," kata beliau semasa merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi Asean (Telmin), di sini.

Ini termasuk sindiket-sindiket jenayah antarabangsa, pengodam amatir, mereka yang menghantar virus dan penipu e-wang dengan tindakan mereka telah membawa kesan dashyat pada infrastruktur maklumat yang menjadi asas dan keperluan masyarakat berasaskan pengetahuan.

Ucapan Dr Mahathir dibacakan oleh Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie.

Dalam hal ini, Dr Mahathir mencadangkan Menteri-menteri yang bermesyuarat supaya mempertimbangkan dengan serius penubuhan Pusat Penyelarasan Keselamatan Rangkaian Asean yang boleh berfungsi sebagai titik tumpuan bagi pengurusan maklumat dan isu-isu keselamatan rangkaian.

Pusat itu akan memainkan peranan penting dalam menilai kesediaan e-keselamatan negara-negara anggota Asean dan memudahkan latihan dan program pertukaran bagi penguatkuasaan keselamatan rangkaian, katanya.

"Penyalahgunaan Internet untuk menyebarkan maklumat yang boleh mengancam kepentingan negara dan masyarakat semakin meningkat. Bilangan laman web yang mengkhusus dalam kempen benci dan bahan lucah semakin menular dan mudah dicapai khasnya oleh generasi muda," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun banyak negara telah cuba menangani isu itu melalui langkah undang-undang dan kawal selia, ini sebahagian besarnya tidak berkesan kerana ciri global Internet.

Sebagai contoh katanya, mereka yang bertanggungjawab bagi menyebarkan maklumat mengancam di Internet tidak dapat didakwa di negara mereka jika hos laman web itu berada di luar sempadan negara.

Beliau berkata inilah di mana kerjasama serantau di Asean penting.

Dr Mahathir menyeru mesyuarat hari ini supaya tidak hanya membincangkan isu-isu daripada perspektif rantau tetapi juga mencari kata sepakat dalam menangani masalah di pelbagai forum antarabangsa.

Beliau juga meminta Menteri-menteri itu untuk membantu dalam merapatkan jurang digital antara negara-negara Asean yang boleh dibuat dengan memastikan pengagihan saksama infrastruktur komunikasi dan maklumat.

"Paling penting ialah perlunya mempertingkatkan keupayaan saling keterkaitan dan saling kendali di kalangan negara-negara Asean dengan mempromosi dan mewujudkan standard serantau yang sama bagi infrastruktur maklumat.

Beliau berkata dalam hal ini, ada baik jika ada pelaburan dalam Asean oleh syarikat-syarikat telekomunikasi (telcos) di rantau itu.

Dr Mahathir percaya terdapat peluang bagi negara-negara Asean untuk bekerjasama dalam pembangunan kemahiran dan kepakaran bidang teknologi

maklumat yang boleh dicapai melalui penubuhan pusat-pusat kecemerlangan serantau.

Beliau berkata adalah penting bagi Asean untuk mengenal pasti agendanya sendiri dalam beralih ke arah k-ekonomi memandangkan Asean tidak lagi boleh mengikut kemahuan dunia yang lebih kaya dalam bidang baru ini yang dicirikan oleh revolusi digital.

Dr Mahathir berkata di sebalik mengejar model-model pembangunan yang diusahakan oleh negara-negara maju, Asean harus memainkan peranan mengikut peraturannya sendiri.

"Peraturan-peraturan model ini hanya memastikan yang kita terus tunduk kepada kemahuan dunia kaya," katanya.

-- BERNAMA

NM MAM PR